



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN**  
**PEGAWAI KONTRAK PESURUHJAYA (CONTRACT OF COMMISSIONER) DI**  
**PEJABAT PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI,**  
**KEMENTERIAN DIGITAL**

**1. Pegawai Teknologi Maklumat Gred 41 – 1 kekosongan**

**Syarat-syarat kelayakan:**

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Mempunyai kelayakan seperti berikut:
  - i. Ijazah **Sarjana Muda** Kepujian dalam bidang Sains Komputer, Pembangunan Sistem Komputer, Pembangunan Laman Sesawang, Multimedia atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - ii. Ijazah **Sarjana** dalam bidang Sains Komputer, Pembangunan Sistem Komputer, Pembangunan Laman Sesawang, Multimedia atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
  - iii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
  - iv. Calon mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam pembangunan sistem berdasarkan *Web / Mobile / API* yang melibatkan keseluruhan kitaran hayat pembangunan sistem terkini menggunakan bahasa pengaturcaraan seperti PHP, Javascript, HTML, CSS, Laravel, Phyton, pengurusan pangkalan data (DBMS), Web Server, rekabentuk UI/UX, data analisis dan analitik serta berpengetahuan dalam keselamatan maklumat dan perlindungan data.

- v. Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib/ bankrap/ tiada rekod jenayah;
- vi. Mempunyai tahap kesihatan yang baik, tidak menghidap penyakit berjangkit dan penyakit yang berpanjangan; dan
- vii. Boleh memberi kerjasama yang baik kepada pasukan dan jabatan serta sanggup bekerja lebih masa bergantung kepada arahan semasa.

#### **DESKRIPSI TUGAS:**

- i. Bertanggungjawab merancang, mengkaji, menganalisis dan mengurus pembangunan sistem dan aplikasi yang baharu dan sedia ada, seterusnya mereka bentuk, membangun, menyelenggara serta melaksana kajian semula sistem pemprosesan data, pengurusan portal, analitik dan maklumat yang bersesuaian untuk kegunaan Jabatan;
- ii. Bertanggungjawab dalam pengurusan projek pembangunan sistem dan aplikasi (PMO) serta pengurusan infrastruktur ICT, server, pusat data dan pengkomputeran awan (Cloud);
- iii. Merancang, menyelaras dan membangunkan sistem-sistem dalaman dan mengubahsuai fungsinya mengikut keperluan Jabatan; dan
- iv. Tugas-tugas lain berkaitan ICT yang diarahkan dari semasa ke semasa.

#### **KEMUDAHAN:**

Gaji Minimum : RM2,422.00  
Gaji Maksimum : RM9,631.00  
Caruman : KWSP dan PERKESO

#### **ELAUN:**

Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00  
Bantuan Sara Hidup/COLA : RM300.00  
Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM300.00

**KENAIKAN GAJI TAHUNAN : RM225.00**

## **CARA MEMOHON:**

- a) Calon yang berminat untuk memohon jawatan tersebut perlu mengemukakan dokumen seperti berikut:
  - i. Borang Permohonan Jawatan;
  - ii. *Curriculum Vitae / Resume*; dan
  - iii. Salinan sijil SPM/ STPM/ DIPLOMA/ IJAZAH SARJANA MUDA / SARJANA atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- b) **Tarikh Tutup Permohonan ialah pada 02 MEI 2025.**

Semua permohonan yang lengkap diisi beserta dokumen yang diperlukan hendaklah dikemukakan kepada:

**Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP)**  
**Aras 8, Galeria PjH,**  
**Persiaran Perdana, Presint 4**  
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**  
**62100 PUTRAJAYA**

**ATAU**

Email ke [pengambilan@pdp.gov.my](mailto:pengambilan@pdp.gov.my)

**TEMU DUGA**

Hanya pemohon yang layak dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil menghadiri temu duga. Permohonan adalah dianggap TIDAK BERJAYA sekiranya pemohon tidak menerima sebarang panggilan ke temu duga dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan.

**KEPUTUSAN**

Keputusan temu duga hanya akan dimaklumkan kepada pemohon yang berjaya sahaja. Keputusan pelantikan secara rasmi akan dimaklumkan setelah mendapat perakuan pelantikan daripada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

## **PERTANYAAN**

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Cik Siti Noorain binti Md Saad                          Tel : 012-2791136

Encik Muhammad Nadzmi bin Noor Hisham                  Tel : 014-8401314

**TARIKH IKLAN DISIARKAN : 17 APRIL 2025 – 02 MEI 2025**